

Ruj. Kami : USM52/4 JLD. XL VI
Tarikh : 7 April 2025
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 22 TAHUN 2025:

- PENGUMUMAN PENINGKATAN KADAR BAYARAN RAWATAN PERUBATAN STAF DAN TANGGUNGAN STAF DI KLINIK PANEL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)

Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju dan meluluskan **Peningkatan Kadar Bayaran Rawatan Perubatan Staf dan Tanggungan Staf di Klinik Panel Universiti Sains Malaysia (USM)** berkuat kuasa mulai 1 April 2025.

2. Mengambil kira kos ubat-ubatan yang semakin meningkat setiap tahun dan staf perlu menampung bayaran caj tambahan setiap kali mendapatkan rawatan di Klinik Panel USM, Universiti bersetuju untuk meningkatkan kadar baharu daripada **RM50.00 kepada RM80.00 per rawatan** seperti berikut:-

BIL.	JENIS RAWATAN	KADAR LAMA (RM)	*KADAR BAHARU (RM)
1.	Rundingan sahaja	30.00	30.00
2.	Rundingan, rawatan, ubat (termasuk antibiotik), suntikan, <i>nebuliser</i> dan pembedahan kecil/ Toilet and Suture (T&S)/ ujian darah dan ujian air kencing untuk rawatan penyakit akut	50.00	80.00
3.	Ujian darah dan ujian air kencing untuk rawatan penyakit kronik: Sila rujuk staf dan tanggungan staf ke Fasiliti Kesihatan USM/ Klinik Kerajaan/ Hospital Kerajaan		
4.	Ujian air kencing	5.00	-
5.	<i>Nebuliser</i> sahaja	15.00	-

3. Pihak Universiti berharap dengan peningkatan kadar rawatan perubatan Klinik Panel ini, ianya dapat membantu meringankan bebanan staf di samping membolehkan staf-staf dan tanggungan staf Universiti menerima rawatan dan bekalan ubat-ubatan yang lebih berkualiti tanpa perlu menampung bayaran caj tambahan. Hal ini selaras dengan hasrat Universiti untuk sentiasa berusaha meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan warga staf.

4. Sebarang pertanyaan mengenai kemudahan tersebut, tuan/puan boleh majukan kepada **Puan Norazlinda binti Muda**, Ketua Unit Perhubungan dan Kesejahteraan Staf (UPKS) di talian 04-653 6096 atau e-mel (m.azlinda@usm.my).

Sekian, terima kasih.

...2/-


HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 22 TAHUN 2025:

- **PENGUMUMAN PENINGKATAN KADAR BAYARAN RAWATAN PERUBATAN STAF DAN TANGGUNGAN STAF DI KLINIK PANEL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**
-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)
Pendaftar

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Bendahari

Pengarah, Kampus Kejuruteraan

Pengarah, Kampus Kesihatan

Pengarah, Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM)

Pengarah, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

Pengarah, Pusat Sejahtera

Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia

Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)